

04 SEP 1997

HIV-Ibu

UJIAN HIV/AIDS TERHADAP IBU MENGANDUNG DI SEMUA PUSAT KESIHATAN

KOTA BAHARU, 4 Sept (Bernama) -- Kementerian Kesihatan sedang melengkapkan peralatan bagi mengesan virus HIV di kalangan ibu mengandung, di semua pusat kesihatan dan klinik bidan di seluruh negara.

Pengarah Kawalan Penyakit kementerian itu, Datuk Dr Abdul Aziz Mahmood berkata, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk membekalkan peralatan itu dan semua pusat kesihatan dan klinik bidan dijangka akan mempunyai kelengkapan itu tahun depan.

"Ibu mengandung yang menjalani ujian berkenaan akan mengetahui keputusan masing-masing dalam tempoh 24 jam," katanya kepada pemberita selepas perasmian seminar "Cabaran AIDS dan dadah menjelang tahun 2000" di sini, hari ini.

Seminar anjuran Pertubuhan Bimbingan Pesakit Kelantan (PENAWAR) dirasmikan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Abdul Aziz berkata, usaha untuk menyediakan kelengkapan mengesan virus HIV di semua pusat kesihatan dan klinik bidan dibuat setelah kajian mendapati 0.21 peratus atau 21 daripada 10,000 ibu mengandung di negara ini adalah HIV positif.

Katanya, pemeriksaan awal perlu kerana selain menjaga kesihatan ibu mengandung, ia juga dapat mengawal jangkitan virus itu kepada bayi yang bakal dilahirkan.

Sekiranya pemeriksaan itu mendapati ibu mengandung dijangkiti virus HIV, kandungan bayi boleh diselamatkan melalui beberapa rawatan pengawalan bermula semasa kandungannya enam bulan hingga dia melahirkan anak. Kemudian anak itu akan diberi rawatan khusus selama enam minggu, katanya.

Terdahulu ketika berucap Abdul Aziz berkata, sehingga Jun tahun ini, sebanyak 21,863 orang di negara ini telah dijangkiti virus HIV dan 1,156 daripadanya menghidap AIDS dengan 899 yang meninggal dunia. Kebanyakan mereka berumur antara 20 dan 40 tahun.

Katanya dari Januari hingga Jun tahun ini, sebanyak 1,779 kes baru dilaporkan dengan Johor mempunyai bilangan kes tertinggi sebanyak 283 kes diikuti Selangor (280 kes), Pahang (193) Terengganu (155), Perak (148) dan Kelantan (73 kes).

"Negeri-negeri yang mencatatkan jumlah tinggi itu disebabkan mempunyai pusat Serenti dan penjara yang menjalankan ujian kesihatan yang kerap," katanya.

Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM) Datin Paduka Marina Mahathir meminta golongan wanita memandang isu AIDS secara lebih serius dengan sikap yang lebih prihatin dan terbuka untuk menyelamatkan diri sendiri dan generasi masa depan.

Teks ucapan beliau dibacakan anggota jawatankuasa MAM, Dr Ismail Baba.

Wanita perlu menyedari bahawa haknya untuk menikmati kesihatan adalah sama pentingnya dengan kesihatan suami dan anak-anak, katanya.

Katanya, MAM dengan kerjasama 31 pertubuhan bukan kerajaan sedang menjalankan pelbagai aktiviti untuk menangani isu AIDS hingga ke akar umbi.

-- BERNAMA

BD NMO